

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, February 16, 2017 10:02 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Perutusan Naib Canselor Sempena Hari Pengasasan Universiti Utara Malaysia 2017



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

16 FEBRUARI 2017 / 19 JAMADILAWAL 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE:



**Perutusan Naib Canselor
Sempena Hari Pengasasan Universiti Utara Malaysia 2017**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat menyambut Hari Pengasasan Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi kali yang ke-33 pada 16 Februari 2017.

Sesungguhnya, tarikh yang bersejarah ini mengingatkan bagaimana kita sebagai satu entiti mengatur strategi untuk berdaya saing bukan sahaja dalam dunia pendidikan tinggi malah mencakupi pelbagai ranah lain seperti sosial, ekonomi dan politik. Dalam konteks ini, warga UUM boleh berbangga dengan pelbagai kejayaan dan pencapaian yang diperoleh di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat antarabangsa. Mutakhir, kita julung-julung kali tersenarai dalam Times Higher Education (THE) World University Rankings 2016-2017.

Sukacita juga dinyatakan bahawa sebagai universiti awam, kejayaan yang kita peroleh merupakan hasil sokongan daripada pelbagai pihak. Di sini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi, Kerajaan Negeri Kedah, rakan strategik UUM, ibu bapa dan juga ahli masyarakat yang prihatin terhadap perkembangan dan pembangunan UUM.

Akhir kata, sebagai hamba Allah dan juga sebagai khalifah di bumi ini, kita dituntut untuk memakmurkan dan membangunkan alam ini sesuai dengan potensi dan keupayaan kita. Orang tua-tua juga berpesan bahawa 'Tak ada gunung yang tinggi yang tak dapat didaki, tak ada lurah yang dalam yang tak dapat dituruni'. Oleh itu, saya menyeru agar kita warga UUM bersama-sama menggembeleng idea, tenaga, jiwa dan raga dalam menentukan keunggulan UUM sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka negara dan juga di persada antarabangsa.

Selamat Menyambut Hari Pengasasan UUM yang Ke-33.

Wabillahaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak
Naib Canselor
Universiti Utara Malaysia

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.